

3M tidak gagal – Timbualan Menteri

um-17/9/2006

Oleh NORIZAN ABDUL MUHID

KUALA LUMPUR 16 Sept. – Kementerian Pelajaran mengakui masalah buta huruf di kalangan murid sekolah masih berlaku walaupun kementerian itu mengambil pelbagai langkah mengatasinya.

Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Noh Omar berkata, dengan lima juta murid sekolah pada masa ini, adalah sukar bagi kementerian itu memastikan kesemua mereka boleh membaca, menulis dan mengira sebagaimana yang diharapkan.

Menurutnya, pada tahun lepas, sebanyak 120,000 murid sekolah rendah atau 2.2 peratus daripada 3.1 juta pelajar didapati tidak tahu membaca dan menulis.

“Kita sedar tentang senario ini dan pelbagai usaha telah dijalankan untuk mengatasinya namun perkara tersebut tidak mudah untuk ditangani dengan sepenuhnya, ia mengambil masa,” kata beliau.

Menurutnya, pelbagai usaha termasuk yang terbaru memperkenalkan program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) tahun ini yang dikhaskan untuk menilai tahap penguasaan membaca dan menulis bagi murid-murid tahun satu.

Beliau berkata, program baru itu diperkenalkan bukan untuk menggantikan program lama iaitu membaca, menulis dan mengira (3M) yang diharap mampu mengatasi masalah tersebut.

“Bayangkan kita ada lima juta murid se-

Bayangkan kita ada lima juta murid sekolah, sukar untuk memastikan kesemuanya boleh membaca dan menulis mengikut apa yang kita harapkan

– Noh Omar

kolah, sukar untuk memastikan kesemuanya boleh membaca dan menulis mengikut apa yang kita harapkan.

“Sebab itu, kita akan terus berusaha mengatasi masalah buta huruf di kalangan murid sehingga masalah berkenaan dapat ditangani sepenuhnya kelak,” katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta

mengulas masalah buta huruf hampir kesemua pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Kem Dusun Resort, Kuala Nerang, sehingga memaksa pihak penguurusan kem menjalankan program asas menulis dan membaca kepada mereka.

Sebanyak 96 peratus daripada 140 pelatih Kumpulan 3 Siri 3/2006 yang berumur 18 hingga 20 tahun itu dikenal pasti buta huruf.

Menurut Noh, pemantauan pelaksanaan KIA2M akan dijalankan oleh Jemaah Nazir Sekolah, Pusat Perkembangan Kurikulum, Penolong Pengarah Bahasa dan Penyelia Bahasa Jabatan Pelajaran Negeri, Pegawai Bahasa Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta guru besar.

Beliau memberitahu, program 3M masih lagi relevan dan diperlukan dalam usaha kementerian menangani masalah buta huruf di kalangan murid sekolah khususnya di peringkat rendah.

Mengulas lanjut mengenai pelaksanaan KIA2M, Noh berkata, mulai April lalu, semua murid tahun satu di sekolah kebangsaan (SK) sedang melalui Ujian Penapisan KIA2M bagi menentukan tahap penguasaan mereka dalam menulis dan membaca.